




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **61 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,736 kes** dengan tiada kes kematian direkodkan.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 78 menjadikan jumlah kumulatif 52,546 orang. Seramai 547 orang pesakit sedang menerima rawatan iaitu 189 orang di hospital dan 358 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 19 orang dan enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran dan Putatan berubah dari zon jingga ke zon kuning.
 Manakala Kudat bertukar dari zon jingga ke zon merah.

- 4 Pada hari ini, **satu (1) kluster** baru direkodkan.

Kluster Jambatan 1 Bombalai di Kalabakan merekodkan pertambahan empat (4) kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 15 kes. Kes indeks merupakan wanita berusia 59 tahun yang tinggal di Kg Jambatan 1 Bombalai dalam mukim Merotai di daerah Kalabakan. Kes indeks itu dikesan positif melalui saringan bergejala di salah sebuah pusat perubatan di Tawau pada 26 Februari 2021. Hasil penelitian, kes indeks telah mengadakan kenduri akikah di kediaman beliau (Kg Jambatan 1 Bombalai) pada 20 Februari 2021. Daripada 41 kontak rapat yang disaring sejak 01 Mac 2021, 14 orang disahkan positif. Pengesahan kontak rapat dan punca jangkitan masih giat dijalankan.

- 5 Daripada 61 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 41 kes (67.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, lima (5) kes (8.2%) saringan bergejala, sembilan (9) kes (14.8%) saringan kluster baharu dan sedia ada serta enam (6) kes (9.8%) dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil 4,901 unit
- Hospital 644 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,767 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 490 unit.
- Peratus penggunaan katil 11.16%.

B PELANJUTAN PKPD KAMPUNG SINSINGON DAN KAMPUNG LOTONG, NABAWAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sinsingon dan Kampung Lotong, Nabawan yang dijadualkan tamat pada esok, 12 Mac 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 674 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 81 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan terdapat sejumlah 322 baki sampel saringan yang sedang menunggu keputusan dan masih terdapat kes positif baru dilaporkan dalam kalangan penduduk di lokaliti ini.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan tempoh PKPD di **Kampung Sinsingon dan Kampung Lotong, Nabawan bermula 13 Mac sehingga 26 Mac 2021** selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Setakat ini, seramai **2,484** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **19,032** orang.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sejumlah **284,666** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 4,334 buah kenderaan. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 72 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 10 kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19 :
 - Kota Kinabalu : Lapan (8) orang
 - Lintas : Lima (5) orang - tiada penjarakan fizikal,
 - Telipok : Tiga (3) orang - tidak memakai pelitup muka.
 - Papar : Satu (1) orang
 - Bongawan : Satu (1) orang - tidak memakai pelitup muka.
 - Tawau : Satu (1) orang
 - Satu (1) orang - tidak memakai pelitup muka.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 62 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 20 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan telah dibuat pada hari ini.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 420 lokasi melibatkan seramai 210 anggota APM.
- 5 Sementara rondaan sama dilaksanakan melibatkan 148 anggota RELA di 159 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lima (5) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu daerah Semporna, Beaufort dan Tambunan.
- 7 Sejumlah 91 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 15 daerah pada hari ini.

- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 161 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **95.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	96.5%
2	Kinabatangan	96%
3	Semporna	96%
4	Beluran	96%
5	Kunak	96%
6	Tenom	96%
7	Beaufort	96%
8	Ranau	96%
9	Kudat	95%
10	Papar	96%
11	Kota Belud	95%
12	Kota Marudu	95%
13	Tuaran	95%
14	Kota Kinabalu	96%
15	Penampang	95%
16	Lahad Datu	95%
17	Sandakan	95%
18	Tawau	94%
19	Keningau	94%

- 2 Ayuh, daftarkan dkiri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

11 Mac 2021